

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	19 December 2015

Perang sesama Islam dorong musuh ambil kesempatan

Um - 19/12/2015

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 18 DIS.

PEPERANGAN sesama orang Islam berikutan wujudnya perbezaan fahaman politik dan ideologi telah mendorong musuh Islam mengambil kesempatan dengan membiayai dan membekalkan senjata kepada pihak yang bertelagah.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ekoran itu umat Islam pada hakikatnya sedang melakukan tugas musuh mereka dengan cara membunuh saudara sesama Islam yang lain hanya kerana terdapat perbezaan tersebut.

Perkara itu, katanya, amat bertentangan dengan ajaran Islam kerana menolak perintah persaudaraan seperti yang dituntut oleh Islam menerusi al-Quran.

"Amat menyedihkan apabila rielihat kemusnahan disebabkan peperangan antara umat Islam akibat berbeza fahaman politik dan ideologi. Kesannya beratus ribu orang terbunuh dan sangat ramai yang cedera serta tidak berupaya.

• "Beijuta-juta orang melarikan diri dari negara Islam untuk hidup di negara-negara bukan Islam. Islam diberi imej buruk dan seolah-olah Islam tidak serasi dengan tabir urus yang baik bagi sesebuah negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Serantau Muslim Pelbagai Kaum anjuran Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk



Seri Shahidan Kassim dan Setiausaha Agung Kehormat Perkim, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor.

Jelas Dr. Mahathir, peperangan antara umat Islam ketika ini sebenarnya adalah berpunca daripada keengganan mereka mengikuti ajaran Islam sebenar berikutan tafsiran yang salah dan kadang-kadang sering disengajakan untuk mencapai tujuan politik.

"Apa yang jelas, Islam bukan sekadar agama atau kepercayaan,

malah adalah satu cara hidup dan sesungguhnya bagi setiap aspek kehidupan wajib berpandukan kepada prinsip dan ajaran Islam seperti yang terdapat dalam al-Quran dan hadis sahih.

"Jelas sekali ajaran Islam, jika mereka tidak menyalah tafsir, jika diikuti dengan jujur akan menghasilkan kejayaan dan kehidupan yang baik untuk individu, masyarakat dan negara. Tidak akan ada peperangan antara mereka

lagi," kata beliau.

Sebagai contoh, katanya, al-Quran dengan jelas menyatakan bahawa semua umat Islam adalah bersaudara dan perintah itu melibatkan arahan kepada setiap umat Islam untuk hidup bersaudara serta aman antara satu sama lain.

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir berkata, peranan Perkim bukan hanya membantu mualaf malah turut melibatkan orang bukan Islam.